



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**Malaysia Berada Dalam Landasan Bagi Mencapai Matlamat ICPD**

NEW YORK, 23 September 2014 - Malaysia telah mencapai kebanyakan daripada objektif dan matlamat bagi Persidangan Antarabangsa Mengenai Kependudukan dan Pembangunan (ICPD).

Kenyataan ini dikeluarkan oleh Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa sesi khas di Perhimpunan Umum tentang tindakbalas lanjut bagi Seminar Antarabangsa Populasi dan Pembangunan.

Beliau juga menyatakan beberapa faktor dalam melaksanakan program tersebut seperti kestabilan politik, latihan tenaga kerja dan kepelbagaian sumber semulajadi telah menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan, penglibatan ekonomi yang seimbang dan liputan meluas keperluan perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan di seluruh negara.

Menurut Rohani, sektor pendidikan telah menunjukkan peningkatan bilangan pelajar perempuan di universiti awam. Pada tahun akademi 2013/2014, 68.02 peratus daripada 41,573 pelajar baru bagi ijazah sarjana muda terdiri daripada pelajar perempuan.

Rohani turut menekankan tentang kerjasama yang diberikan oleh kerajaan Malaysia untuk menambah golongan wanita sebagai pemimpin merupakan sebahagian daripada polisi dimana sekurang kurangnya 30% wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam pada tahun 2004 dan sektor korporat pada tahun 2011.

Menyentuh tentang sistem penjagaan kesihatan yang baik, Rohani menegaskan Malaysia merupakan negara yang mempunyai kadar kematian yang paling rendah di kalangan negara-negara membangun, iaitu 4.6 kematian bagi setiap seribu penduduk pada tahun 2012.

Bagi beberapa bidang lain, Malaysia telah memulakan polisi untuk mencapai sasaran ICPD melalui penggubalan Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV dan Aids 2011-2015 dan pengenalan National Human Pappilloma Virus (HPV), program vaksinasi untuk mencegah

kanser pangkal rahim. Pelbagai pendekatan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan reproduktif remaja juga telah digunakan.

Beliau membuat kesimpulan bahawa walaupun kita telah mencapai hampir kesemua objektif ICPD, kita sentiasa melihat kepada perubahan keadaan sosio-ekonomi seperti penurunan dalam kesuburan dan penuaan populasi.

ICPD yang diadakan pada tahun 1994 di Kaherah, Mesir, diselaraskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, telah menghasilkan Pelan Tindakan, dokumen pemandu untuk Dana Populasi Negara-Negara Bersatu.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat